



**KENANGAN:** Para peserta program bersama-sama tetamu jemputan merakamkan gambar kenangan.

# UMS rai pelajar antarabangsa program Daegu International Summer Study 2019

UB 11.8.2019 8

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) telah mengadakan satu majlis bagi meraikan 20 pelajar antarabangsa program Daegu International Summer Study 2019 yang melibatkan pelajar-pelajar universiti di sekitar bandar Daegu, Korea Selatan.

Antara pelajar universiti yang terlibat adalah pelajar dari un Kyung College, Daegu Catholic University, Catholic Sangji College, Daegu Health College, Hosan University dan Kyungpook National University yang telah berkampung hampir sebulan di UMS.

Antara objektif utama program Daegu International Summer Study adalah untuk meningkatkan pemahaman para pelajar berkaitan pelbagai isu melibatkan per-

niagaan global, kebudayaan dan menghargai alam semula jadi.

Selain itu, program tersebut turut menyasarkan agar satu perhubungan erat dapat dijalin, yang dilihat amat penting bagi para peserta membina jaringan komunikasi serta mempromosikan pertukaran kebudayaan dalam kalangan peserta melalui perkongsian berkaitan persamaan dan perbezaan dalam aspek budaya.

Majlis yang berlangsung di D'Place Restaurant, Kota Kinabalu meriah dengan pelbagai persembahan etnik selain hidangan makanan tradisi tempatan untuk santapan para peserta.

Hadir sama pada acara tersebut, Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global; Prof. Dr. Ho Chong Mun, Dekan FPEP; Prof. Madya Dr. Raman Noordin, Dekan

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB); Prof. Dr. Jualang @ Azlan Abdullah Gansau, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat; Dr. Jakaria Dasan, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FPEP, Dr. Beatrice Lim Fui Yee; Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah) FPEP; Dr. Arif @ Kamisan Pusiran, dan Ketua Program Pengurusan Pelancongan FPEP; Dr. Tini Maizura Mohtar.

Terdahulu, para peserta telah mengadakan satu sesi pembentangan berkaitan pengalaman mereka secara keseluruhan berkaitan program tersebut, selain pembentangan berkaitan Model Perniagaan dan Penyelidikan Pasaran seperti yang ditetapkan oleh kerajaan Korea Selatan.